

**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN KARNIVAL KERJAYA 20  
UNIVERSITI AWAM**

اونیورسیتی تکنالوژی مالزی

28 Oktober 2023 / 11.00 pagi  
Dewan Auditorium, FTKIP Kampus Induk

**SALUTASI**  
MAJLIS PERASMIAN DAN PELANCARAN KARNIVAL KERJAYA  
20 UNIVERSITI AWAM  
28 Oktober 2023

**Yang Berusaha Prof. Dr. Azlinda binti Azman**  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

**Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Norzaini binti Azman**  
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Pengurusan Akademik dan Penyelidikan)

**Yang Berusaha Encik Ahmad Rizal bin Adnan**  
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Pengurusan Governan dan Pembangunan)

**Yang Berusaha Encik Hirman bin Awang @ Semail**  
Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Sharil bin Abdullah**  
Pengarah Bahagian Hubungan Industri

**Yang Berusaha Encik Abd. Razak bin Omar**  
Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Melaka

**Yang Berbahagia Prof. Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,  
Universiti Teknikal Malaysia (UTeM)

Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
Pengarah-Pengarah Pusat Kerjaya Universiti Awam  
Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera  
Salam Malaysia Madani  
Salam UTeMku Sayang,  
Menjajar Universiti Melonjak ke Hadapan



Terima kasih pengacara majlis  
Bismillahirahmanirahim

### **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah S.W.T yang telah menganugerahi kita umur dan rezeki untuk berkumpul pada hari ini dalam **Majlis Perasmian dan Pelancaran Karnival Kerjaya 20 Universiti Awam**. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada **Yang Berusaha Prof. Dr. Azlinda binti**

**Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi** atas kesudian untuk hadir ke majlis pada hari ini.

2. Saya mewakili seluruh warga UTeM juga ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada seluruh warga KPT, Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pusat kerjaya seluruh Universiti Awam kerana telah memilih UTeM sebagai tuan rumah bagi menjayakan Majlis Perasmian dan Pelancaran Karnival Kerjaya 20 Universiti Awam.

Kapal dagang dari seberang,  
Sarat muatan kayu meranti;  
Dari jauh tuan puan datang,  
Orang Melaka sedia menanti.

### **Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

3. Untuk makluman semua, bersempena dengan Majlis Perasmian dan Pelancaran Karnival Kerjaya 20 Universiti Awam pada hari ini, UTeM sedang menganjurkan **Advanced TVET Career Fair UTeM 2023 @ MyFutureJobs** dengan bidang pemfokusan Advanced TVET di Bilik Auditorium Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan yang berada di belakang Dewan Kuliah ini.

4. Karnival kerjaya ini adalah anjuran bersama Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), Career Path Club (CPC) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi, Majlis Kebolehpasaran Graduan dan Kerjaya Universiti Awam Malaysia (MyGRAD) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Karnival ini dianjurkan bersempena Program Karnival Kerjaya 20 Universiti Awam dan Festival Konvokesyen Tuah Ke-19.

5. Karnival kerjaya ini, melibatkan seramai **13 majikan** dan menawarkan lebih daripada **1,000 peluang pekerjaan dan latihan industri** kepada bukan sahaja para pelajar dan alumni UTeM yang menceburi dalam bidang kejuruteraan, teknologi


kejuruteraan, pengurusan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) malah juga kepada seluruh graduan dan masyarakat Malaysia di peringkat nasional.

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,**

6. Pada tahun ini, UTeM telah menganjurkan 2 karnival kerjaya. Karnival kerjaya pertama iaitu **National Aspire Career Fair UTeM X MyFutureJobs 2023** telah dilaksanakan pada bulan Mei yang lepas, bersempena dengan National Training Week (NTW) Human Resource Development Corporation (HRD Corp). Bukan itu sahaja, UTeM juga telah menjalankan 3 program lain iaitu Training for SME, Women Technicpreneurship Forum dan

Bengkel Kebolehpasaran Graduan "Young Minds Career Exploration".

7. Dengan pelaksanaan empat program ini, UTeM telah menerima anugerah **Top Course Provider for National Training Week dalam Majlis Kemuncak National Training Week (NTW) 2023** yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang telah diadakan dengan jayanya di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).




## **Hadirin sekalian,**


8. Untuk makluman semua, ini adalah kali ketiga UTeM menganjurkan karnival kerjaya dengan kerjasama PERKESO Melaka. Kerjasama ini diperkuuhkan lagi dengan **penubuhan Pusat Satelit Myfuturejobs @ UTeM** di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM. Dengan penubuhan pusat satelit ini, para pelajar dapat mengenal dengan lebih dekat portal pekerjaan negara iaitu Myfuturejobs di mana portal ini menyediakan perkhidmatan pekerjaan secara percuma termasuklah pengiklanan jawatan kosong oleh majikan serta pencarian pekerjaan kepada pencari kerja.

9. Saya difahamkan UTeM merupakan satu-satunya Universiti Awam yang mempunyai Pusat Satelit Myfuturejobs. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak PERKESO Melaka yang selalu berganding bahu dengan pihak UTeM dalam menganjurkan program-program yang berkaitan dengan kebolehpasaran graduan dan kerjaya seperti bengkel ketersediaan graduan, ceramah-ceramah kerjaya dan klinik kaunseling kerjaya.

10. Akhir kata, di kesempatan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berusaha Prof. Dr. Azlinda binti Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi atas kesudian hadir ke Majlis Perasmian dan Pelancaran Karnival

Kerjaya 20 Universiti Awam pada hari ini. Penghargaan turut dipanjangkan kepada wakil KPT, Timbalan-Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pusat kerjaya seluruh UA.

- 
11. Harapan saya adalah kerjasama sebegini dapat diteruskan di antara semua universiti awam untuk bersama-sama meningkatkan kuantiti dan kualiti kebolehpasaran graduan.

- 
12. Sebelum saya mengundur diri, terima kasih juga saya ucapkan kepada semua tetamu jemputan yang hadir dalam memeriahkan majlis ini dan juga barisan penganjur.

Saya sudahi ucapan ini dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

